



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**MAJLIS PELANCARAN LAPORAN PENEMUAN UTAMA
BANCI MALAYSIA 2020**

14 FEBRUARI 2022

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang dihormati saudara Pengacara Majlis;

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob

Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

Ketua Perangkawan Malaysia;

Yang Berbahagia Professor Tan Sri Dato' Wira Dr Mohd Shukri Ab. Yajid

Presiden Management & Science University (MSU)

Yang Berbahagia Datuk/ Datin / Wakil Media / Tuan-Tuan / Puan-puan dan para hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhana hu Wa Taa'la, dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri sebentar lagi. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuktikan komitmen Dato' Sri kepada usaha negara untuk memperkasa penggunaan data, statistik dan maklumat yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020 bagi memacu pembangunan sosio ekonomi negara. Saya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua para jemputan yang dapat menghadiri majlis kita pada hari ini. Terima kasih juga kepada Presiden MSU, sebagai tuan rumah bagi majlis pelancaran hari ini.

YAB Dato' Sri, dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan,

2. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 adalah banci yang ke enam dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Banci kali ini dilaksanakan dalam keadaan yang amat mencabar akibat penularan pandemik Covid-19. Sejarah tercipta apabila operasi pembancian negara telah berlangsung selama 482 hari iaitu mulai 7 Julai 2020 sehingga 31 Oktober 2021.
3. Pembancian dalam beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara merupakan satu cabaran besar kepada pasukan pembancian di seluruh negara. Cabaran ini telah diharungi dengan pelbagai pendekatan proaktif seperti mempergiat dan memaksimumkan pengguna kaedah atas talian e-Census, *Computer Aided Personal Interview (CAPI)* dan *Computer Aided Telephone Interview (CATI)*.
4. Kejayaan menyempurnakan operasi pembancian disokong oleh pelbagai pihak Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Kerajaan, Kementerian, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia, kerajaan negeri dan sektor swasta.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

DOSM SEBAGAI AGENSI PENGETAHUAN STATISTIK RASMI NEGARA

5. DOSM bermula sebagai Biro Statistik yang ditubuhkan di bawah *Statistics Ordinance 1949*. DOSM adalah agensi utama Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diamanahkan untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.
6. Sebagai organisasi teras dalam Sistem Statistik Negara, DOSM merupakan pengeluar utama statistik rasmi negara berpandukan kepada prinsip Fundamental *Principles of Official Statistics* oleh *United Nations*. Justeru, statistik yang dikeluarkan oleh DOSM merupakan sumber rujukan utama Kerajaan sebagai *statistical evidence* dalam pembentukan dasar serta pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.

PERANAN DOSM DALAM ERA PASCA PANDEMIK COVID-19

7. Krisis kesihatan global, wabak COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi cabaran besar khasnya menyediakan data yang relevan bagi mengurus dan memulihkan krisis tersebut. Situasi luar jangka ini memerlukan data yang menyeluruh, tepat dan terkini. Dalam hubungan ini, DOSM telah menyediakan data dan statistik secara khusus bagi memberi input yang amat berguna kepada Kerajaan dalam merangka inisiatif pemulihan yang berkesan dan inklusif.

Para hadirin sekalian,

FUNGSI JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)

8. Perubahan landskap global dan negara bagi sektor ekonomi, sosial, alam sekitar dan teknologi semakin pantas, kompleks dan dinamik melahirkan cabaran baharu kepada pengeluaran statistik yang berkualiti, menyeluruh, tepat dan cepat.

9. Evolusi statistik dapat disaksikan dengan keperluan kepada penghasilan statistik utama negara daripada statistik di peringkat agregat yang beralih kepada peringkat yang lebih terperinci atau peringkat mikro bagi menyokong pembuatan keputusan berdasarkan bukti.
10. Saya telah menyaksikan DOSM secara konsisten proaktif dan responsif kepada keperluan data dan statistik yang lebih kompleks oleh *stakeholders* dan pengguna daripada pelbagai bidang. Trend ini semakin ketara apabila dunia telah menerima *Sustainable Development Goals 2030* (SDGs 2030) sebagai matlamat pembangunan mampan yang baharu bermula pada tahun 2015.
11. SDG 2030 telah membuka lembaran baharu kepada keperluan meningkat kapasiti pengeluaran statistik sesebuah negara. Banci Penduduk dan Perumahan 2020 sebagai contoh telah mengharmonikan penyediaan statistik kependudukan dan demografi kepada pengukuran indikator SDGs 2030.
12. Pengeluaran statistik rasmi oleh DOSM merangkumi pelbagai bidang utama ekonomi, sosial dan alam sekitar yang dikumpul, disusun dan diterbitkan secara bulanan, suku tahunan dan secara tahunan bagi memenuhi permintaan yang dinamik dan terperinci.
13. Pada tahun 2021 DOSM telah menerbitkan 524 penerbitan yang mana 204 adalah penerbitan bulanan, 56 penerbitan suku tahunan dan 264 penerbitan tahunan. Terkini mulai bulan rujukan Januari 2022 DOSM telah mempercepatkan penerbitan statistik perdagangan antarabangsa bulanan kepada dua (2) minggu sahaja daripada bulan rujukan berbanding empat (4) minggu bagi siri masa sebelum ini.
14. Selain daripada itu, DOSM juga secara aktif menyebarkan perkongsian statistik berbentuk grafik dikenali sebagai *stats alert* yang meliputi tema statistik, sosial dan umum. Sebagai rekod, sebanyak 241 *stats alert* telah disebarluaskan oleh DOSM pada tahun 2021.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

PENGUKUHAN SISTEM STATISTIK NEGARA (PSSN)

15. Kerajaan komited untuk sentiasa memperkasa keupayaan negara mengeluarkan statistik yang relevan dengan keperluan pembangunan negara. Justeru Kerajaan telah bersetuju dengan inisiatif Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) yang diketuai oleh DOSM.
16. PSSN bertujuan untuk mempertingkatkan sistem statistik Malaysia yang sedia ada dan mentransformasi DOSM bagi mengharungi cabaran yang dinamik pada masa sekarang dan masa hadapan, termasuk dengan mengambil kira perkembangan fenomena Data Raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang kepada agensi Kerajaan dan Swasta bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
17. Langkah terpenting dalam agenda PSSN ialah penubuhan satu badan penasihat tertinggi statistik negara iaitu Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. MSDN berperanan dan bertanggungjawab untuk memberi panduan dan hala tuju dalam memantapkan sistem statistik negara dan Mesyuarat Tertinggi telah berlangsung buat pertama kalinya pada 27 Januari 2022 yang lalu.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

18. Banci penduduk dan perumahan dilaksanakan untuk mendapatkan stok dan profil penduduk dan perumahan yang komprehensif dan terperinci sehingga ke peringkat geografi terkecil sebagai penanda aras bagi ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi penduduk. Data banci yang terkini dan komprehensif akan menjadi sumber utama dan penting dalam penyediaan rancangan pembangunan negara.
19. Di samping itu, penghasilan profil Banci Penduduk dan Perumahan yang terperinci ini akan dapat menyediakan statistik di peringkat daerah dan mukim yang amat

berguna kepada penggubal dasar bagi melaksanakan perancangan peringkat tempatan dan untuk masyarakat setempat mengetahui tentang statistik utama berkaitan kawasan masing-masing. Ini adalah penting dalam menggubal dasar pembangunan negara, termasuk dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun, Belanjawan serta dasar monetari dan fiskal negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

20. Sekali lagi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menyokong pelaksanaan binci ini dan seterusnya di atas kesudian untuk merasmikan majlis bersejarah pada hari ini. Tahniah kepada Dato' Sri Dr. Uzir dan seluruh warga DOSM atas komitmen yang tinggi bagi memastikan Jabatan berada pada tahap pencapaian yang cemerlang.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.